

**SOALAN NO: 539**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**RUJUKAN : BL10 [PR-1332-T68803]**

**SOALAN :**

Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kerajaan pusat sedar bahawa sistem penyampaian yang lebih efisien dan cepat potensi pembangunan sosio-ekonomi yang lebih baik boleh dicapai sekiranya W.P Labuan dijadikan sebagai 'special administrative region' yang lebih autonomous seperti Hong Kong di China atau Wilayah Iskandar di Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil maklum dan amat prihatin akan pandangan serta hasrat murni YB Labuan dalam memastikan WP Labuan terus membangun seperti kawasan-kawasan lain di negara ini atau di rantau sekitarnya. Berkenaan cadangan bagi menjadikan WP Labuan sebagai '*Special Administrative Region*' (SAR) yang lebih *autonomous* seperti Hong Kong di China, Kementerian ini berpandangan bahawa situasi di Hong Kong dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah agak berbeza. SAR Hong Kong terbentuk apabila kerajaan China mewujudkan dasar 'satu negara, dua sistem' berikutan penyerahan balik Hong Kong oleh kerajaan British kepada China pada tahun 1997. Pada asasnya Hong Kong diberi kelonggaran untuk menikmati tahap autonomi yang tinggi berbanding wilayah lain di China, dan mengamalkan sistem politik yang berbeza serta ekonomi berteraskan pasaran bebas.

Manakala berhubung Wilayah Iskandar di Johor pula, ianya bukanlah sebuah *Special Administrative Region* tetapi sebaliknya adalah salah satu wilayah pembangunan ekonomi yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk merancakkan pembangunan wilayah berkenaan. Kawasan ini ditadbir oleh suatu pihak berkuasa yang dipanggil Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar yang diwujudkan melalui sebuah Akta iaitu Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007 (Akta 664).

Secara perbandingan, senario di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) adalah lebih hampir dengan keadaan di Labuan di mana suatu pihak berkuasa khusus telah dibentuk oleh Kerajaan bagi Labuan di bawah Akta Perbadanan Labuan 2001 (Akta 609). Di bawah akta tersebut, fungsi dan kuasa Perbadanan Labuan (PL) termasuklah untuk memaju dan merangsang pembangunan ekonomi dan sosial dalam Wilayah Persekutuan Labuan serta berperanan menyelaras pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan di Labuan. Di samping itu, PL juga memainkan peranan dan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini memberikan kelebihan kepada PL dalam melaksanakan program dan aktiviti bagi memberikan keselesaan kepada masyarakat Labuan seperti penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam serta perumahan mampu milik yang mana ia telah dan sedang dilaksanakan oleh PL dan Agensi-Agenzi Pusat yang lain.

Ringkasnya, adalah jelas bahawa PL bertanggungjawab dan mempunyai kuasa yang luas dalam merancang pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Labuan dalam apa jua bidang dan sektor yang berkaitan. Dengan PL sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, maka Kementerian ini adalah komited dalam membantu PL bagi melaksanakan peranan dan fungsi-fungsi tersebut yang diamanahkan terhadapnya. Sebagai contoh, berikut dengan kepesatan industri minyak dan gas serta perkhidmatan kewangan luar pesisir di Labuan, usaha-usaha strategik serta kolaborasi sedang digerakkan oleh Kementerian ini bersama Agensi-Agenzi Pusat yang lain dalam mengoptimumkan potensi pertumbuhan ekonomi Labuan khususnya dalam industri sokongan seperti industri perkapalan serta *warehouse*.

Kajian juga sedang diusahakan bagi memperkuatkan peranan dan fungsi Pelabuhan Labuan secara lebih menyeluruh. Kementerian juga turut membantu dan amat menggalakkan PL untuk terus mengorak langkah dengan menjalinkan hubungan menang-menang bersama pihak swasta dalam sektor pelancongan, membangunkan unit kediaman, termasuk perumahan mampu milik, dan pusat perniagaan komersil bagi menarik pelabur dalam dan luar negara seterusnya memperbanyakkan lagi pilihan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Kementerian akan terus memberi keutamaan dalam menggalakkan Agensi-Agenis Pusat dan Kementerian yang berkaitan seperti Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pengangkutan antaranya dalam menyokong program pembangunan yang akan melonjakkan ekonomi Labuan pada masa hadapan.

Sesungguhnya Kementerian Wilayah Persekutuan menegaskan bahawa hasrat murni ke arah kemajuan dan pembangunan sosio ekonomi Labuan bagi jangka panjang tidak harus dikesampingkan oleh pihak-pihak yang berautoriti. Ia juga tidak hanya dilihat dari aspek perubahan dasar seperti mewujudkan ‘wilayah pentadbiran khusus’ (*special administrative region*) semata-mata. Sebaliknya ia juga perlu dilihat dari sudut kerjasama antara kementerian, jabatan, agensi pusat serta kerjasama awam swasta sepetimana yang telah dinyatakan dalam fungsi dan kuasa PL yang sedia ada.